

Penduduk mahu benteng elak banjir

MERBAU SEMPAK – Air sungai melimpah di Jalan Gajah 24 dekat sini bukan perkara baru.

Masalah yang berlaku sejak lebih setahun lalu kian meruncing apabila air sungai naik hingga menenggelamkan tanah orang kampung.

Penduduk, Shahrom Kazaidin, 45, berkata, setiap kali hujan tanahnya akan ditenggelami air sehingga menyebabkan hakisan teruk berlaku di situ.

“Sebelum ini ada aduan dan cadangan dibuat kepada pihak berwajib mengenai masalah ini namun tiada sebarang usaha menanganinya dibuat,” katanya.

Menurutnya, air dipercayai melimpah berikutan di lokasi berkenaan merupakan pertemuan Sungai Buloh dan Sungai Subang.

Difahamkan, terdapat rumah penduduk berhampiran juga turut menjadi mangsa akibat ditenggelami air.

“Kalau benteng konkrit dapat dibuat se-



■ Keadaan air sungai yang melimpah di Jalan Gajah 24.

panjang laluan anak sungai ini masalah ini pasti dapat diselesaikan.

“Jika keadaan berterusan ianya boleh menyebabkan kerugian besar kerana sebahagian besar tanah akan terhakis,” katanya.